

Selasa, Jan 02 2018

Turut perkenal GST pada bulan ini

Arab Saudi naikkan petrol 126%

UTUSAN 2/1

Oleh FADZIL ZAINOL
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 JAN.

ARAB Saudi menaikkan harga petrolnya sehingga 126 peratus hasil penstrukturan subsidi bahan apinya, dalam mengatasi kepincangan kedudukan fiskal negara itu.

Dilaporkan petrol RON 91 akan dijual pada harga 1.37 riyal (RM1.48) seliter, meningkat daripada 0.75 riyal (RM0.81) seliter, sementara RON95 dijual pada harga 2.04 riyal (RM2.21) seliter iaitu meningkat daripada 0.90 riyal (RM0.98) seliter.

RON95 di negara itu sebelum ini juga telah dinaikkan daripada 0.60 riyal (RM) seliter kepada 0.90 riyal (RM0.98) pada 1 Januari 2016.

Menurut laporan Reuters yang memetik berita daripada agensi tempatan Arab Saudi, negara itu dijangka menaikkan harga minyaknya bermula hari ini selari dengan penstrukturan subsidi yang telah diumumkan dua tahun lalu untuk menambahkan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan terhadap sumber minyak.

HARGA MINYAK (SELITER)

Negara	1 Januari 2014	31 Disember 2017	1 Januari 2018
Malaysia	RM2.10	RM2.26	RM2.26
UAE	RM1.20	RM2.24	RM2.36
Arab Saudi	RM0.65	RM0.98	RM2.21

PENGELUARAN MINYAK (TONG SEHARI)

Malaysia	UAE	Arab Saudi
660,000	3,100,000	10,500,000

KADAR GST

Negara	1 Januari 2014	31 Disember 2017	1 Januari 2018
Malaysia	0%	6%	6%
UAE	0%	0%	5%
Arab Saudi	0%	0%	5%



Selain daripada peningkatan harga minyak, negara itu juga memulakan Cukai Nilai Tambah (VAT) persamaan dengan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar lima peratus serta meningkatkan tarif elektriknya.

Pada 20 Disember lalu, Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz

Al-Saud secara rasmi mengumumkan hasrat negara itu untuk mengurangkan lebih perbelanjaannya dilewatkan kepada tahun 2023 daripada sasaran awal pada 2020, untuk mengurangkan tekanan terhadap ekonomi negaranya.

Tahun 2016, Arab Saudi telah melancarkan inisiatif menyeluruh

untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam, menjadi negara kompetitif dan mahu meraih kekayaan dalam tempoh yang panjang, termasuk menerusi penstrukturan subsidi.

Langkah yang sama turut diambil oleh jiran Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang turut memulakan GST pada bulan ini pada kadar lima peratus selain menaikkan harga RON95 daripada RM2.24 kepada RM2.36 seliter.

Mengulas mengenai perkembangan tersebut, Timbalan Pengarah Unit Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BNSC), Eric See-To berkata, tidak seperti Malaysia, harga petrol di UAE dan Arab Saudi turut merangkumi GST kerana kedua-dua negara tersebut tidak mengecualikan bahan api itu daripada cukai.

“Dengan langkah yang diambil itu, harga petrol di Arab Saudi hampir menyamai harga di Malaysia manakala harga di UAE akan lebih mahal daripada kita.”

“Tidak lama dahulu, dua negara itu mempunyai harga petrol lebih murah berbanding Malaysia kerana mereka mempunyai kadar pengeluaran minyak lebih tinggi daripada kita,” jelasnya.